



Rabu – 27 Januari 2021

Halaman : 18



KAMAL (kiri) melihat anaknya, Que Haziq dan Indah Fathihaty membuat kerja sekolah di rumahnya di Pos Brooke, Gua Musang.

## Ibu bapa Orang Asli tak mampu beli gajet

**GUA MUSANG** – Ibu bapa masyarakat Orang Asli di daerah ini bergantung harap dengan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu anak mereka mengikuti pembelajaran online semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung Orang Asli Pos Hendrop, Kamal Rami berkata, ini bagi memastikan Orang Asli berpendapatan rendah tidak tercincir dalam pelajaran disebabkan kekurangan peranti dan masalah internet.

Menurut beliau, sebahagian besar penduduk Orang Asli berdepan masalah internet dan ketiadaan telefon pintar atau komputer riba.

“Hanya segelintir ibu bapa yang mempunyai telefon bimbit, namun anak pula ramai sehingga terpaksa berkongsi

peranti tersebut,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Pos Brooke di sini semalam.

Seorang ibu, Kamariah Alang, 43, berkata, dia tidak mampu menyediakan telefon bimbit atau komputer untuk dua anaknya yang berusia sembilan dan 10 tahun.

“Kebanyakan anak Orang Asli kurang memahami teknik pembelajaran online berbanding kelas secara bersemuka.

“Saya bernasib baik kerana ada guru setuju memberi latihan dan anak-anak dapat mengulang kaji di rumah,” katanya.

Bagi Rashid Akoh, 54, akses internet yang baik diperlukan bagi kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) kerana latihan diberikan secara online.

“Ketika ini, kami perlu ke merata tempat untuk mencari liputan internet termasuklah di atas bukit,” katanya.